

29 OCT 2003

Koh-Keselamatan

TANPA KEAMANAN, KEMAKMURAN EKONOMI DAN NEGARA GAGAL DICAPAI

PULAU PINANG, 29 Okt (Bernama) -- Malaysia hanya boleh maju serta mampu membawa kemakmuran ekonomi kepada rakyat sekiranya negara ini berada dalam keadaan aman, damai dan selamat, kata Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Katanya, keselamatan dan keamanan itu tidak datang dalam sekelip mata tetapi memerlukan pengorbanan banyak pihak terutamanya pasukan keselamatan.

Beliau merakamkan penghargaan kepada anggota pasukan keselamatan yang telah berkhidmat untuk memastikan negara ini terus aman dan makmur serta mengingatkan rakyat supaya berganding bahu memeliharanya.

Ketika berucap pada majlis penyerahan sumbangan kerajaan negeri kepada pasukan polis dan tentera sempena Hari Raya Aidilfitri, di sini, beliau berkata, banyak negara luar menghormati dan menjadikan Malaysia sebagai contoh sebuah negara yang mampu meneruskan keamanannya.

Katanya, sewaktu mengikuti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat ke Timor Leste, baru-baru ini, banyak iktibar yang boleh dipelajari daripada negara berkenaan.

Katanya, pergolakan yang berlaku di negara berkenaan selama hampir 25 tahun lepas menyebabkan rakyatnya menderita dan kadar pengangguran di sana ialah sekitar 50 peratus.

"Mereka memerlukan banyak bantuan daripada negara lain untuk membangun dan ia hanya akan dapat dilakukan sekiranya ia aman dan stabil," katanya.

Selain itu, katanya, seorang pegawai tentera dari Malaysia telah diberi penghormatan untuk mengetuai 3,500 anggota Pasukan Keamanan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dari lebih 20 buah negara, yang bertugas di Timor Leste dan ini membuktikan bahawa kemampuan negara mengekalkan keamanan memberikan keyakinan kepada orang lain untuk mendapatkan khidmat dan bantuannya.

"Oleh itu, kita perlulah mengambil ilham daripada penghormatan negara luar itu untuk terus memelihara keamanan sedia ada dan kita juga harus berbangga kerana kita menjadi teladan kepada orang lain dalam hal ini," katanya.

Pada majlis ringkas itu, Koh menyampaikan sumbangan cek bernilai RM10,000 setiap satu kepada pasukan polis dan tentera di negeri ini, yang masing-masing diwakili oleh Ketua Polis Negeri, Datuk Othman Talib dan Panglima 2 Divisyen, Mej Jen Datuk Hashim Yahya.

-- BERNAMA

ZU BK